

Ruj kami : WAF.100-1/2024 Bil.(1)

Tarikh : 12 Ogos 2024

Kepada yang berkenaan,

Tuan/ Puan

KEJOHANAN MEMANAH KINTA JUNIORS 2024.01

Dengan hormatnya saya ingin merujuk mengenai perkara di atas.

Untuk makluman Tuan/Puan, penganjur **WAF ARCHERYTEAM** akan menganjurkan kejohanan tersebut pada dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 06 – 08 SEPTEMBER 2024
Tempat : LAPANG SASAR MEMANAH SSN PERAK, SMK GUNUNG RAPAT, IPOH

Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dengan berbesar hati menjemput pihak Tuan/Puan untuk menghantar pasukan bagi menyertai kejohanan ini. Bersama-sama ini disertakan maklumat kejohanan berkenaan. Tarikh akhir pendaftaran adalah pada **02 September 2024**.

Perhatian dan kerjasama daripada pihak Tuan/Puan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang Benar,



(MUHAMMAD AHNAF BIN AHMAD SAKHAIRI)
PENGARAH URUSAN
WAF ARCHERY TEAM



KEJOHANAN MEMANAH KINTA JUNIORS 2024.01
LAPANG SASAR MEMANAH SSN PERAK, SMK GUNUNG RAPAT, IPOH
06 -08 SEPTEMBER 2024



TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh mula pendaftaran : **12 OGOS 2024**
Tarikh akhir pendaftaran : **02 SEPTEMBER 2024**
Tarikh akhir bayaran : **02 SEPTEMBER 2024**
Mesyuarat Pengurus Pasukan : **05 SEPTEMBER 2024**
Tarikh kejohanan : **06 – 08 SPETEMBER 2024**

TENTATIF PROGRAM (TIDAK RASMI)

Tempat pertandingan : Lapang sasaran memanah SSN Perak,
SMK Gunung Rapat, Ipoh

06/09/2024 (JUMAAT)	1430	Pengesahan Pendaftaran & Pemeriksaan alatan
	1500	Latihan Rasmi
	1530	Pusingan 20m x 2 bawah 10 tahun
07/09/2024 (SABTU)	0800	Pengesahan Pendaftaran & Pemeriksaan alatan
	0830	Latihan Rasmi
	0900	Pusingan 30m x 2 bawah 12 tahun
	1200	Rehat
	1345	Pengesahan Pendaftaran & Pemeriksaan alatan
	1415	Latihan Rasmi
08/09/2024 (AHAD)	1445	Pusingan 50m x 2 bawah 15 tahun
	0830	Latihan Rasmi & Elimination Round 1/8 bawah 10, 12 & 15
	1130	Rehat
	1145	Elimination Round 1/4 bawah 10, 12, & 15
	1215	Semi Final
	1245	Bronze Medal Match
	1315	Gold Medal Match
1400	Prizing Ceremony	



PENDAFTARAN

Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui link google form yang diberi (<https://forms.gle/5YgtcHDmEDgT8ng98>). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

KATEGORI

Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut:

1. Recurve lelaki bawah 15 tahun (umur dari 13 hingga 15 tahun) **RU15B**
2. Recurve wanita bawah 15 tahun (umur dari 13 hingga 15 tahun) **RU15G**
3. Recurve lelaki bawah 12 tahun (umur dari 10 hingga 12 tahun) **RU12B**
4. Recurve wanita bawah 12 tahun (umur dari 10 hingga 12 tahun) **RU12G**
5. Recurve lelaki bawah 10 tahun (umur dari 07 hingga 10 tahun) **RU10B**
6. Recurve wanita bawah 10 tahun (umur dari 07 hingga 10 tahun) **RU10G**

PENYERTAAN

Penyertaan bagi kejohanan ini adalah terhad. Setiap kategori mempunyai quota sebanyak **40 orang sahaja**. Setiap peserta haruslah didaftarkan atas nama pasukan negeri/sekolah/kelab masing-masing.

Jumlah penyertaan adalah seperti di bawah:

BIL	NEGERI	RU15B	RU15G	RU12B	RU12G	RU10B	RU10G	JUMLAH
1	RU15	40	40	-	-	-	-	80
2	RU12	-	-	40	40	-	-	80
3	RU10	-	-	-	-	40	40	80
JUMLAH		40	40	40	40	40	40	240

Pendaftaran lewat (selepas Tarikh tutup) atau pertukaran (selepas tarikh tutup) akan didenda mengikut kadar yang telah ditetapkan dan penganjur mempunyai hak untuk tidak menerima.



PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Pertandingan Memanah Kebangsaan Bawah 12 dan 15 Tahun.

Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery dan Pertandingan Memanah Kebangsaan Bawah 12 dan 15 Tahun.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankausa Teknikal dan Pertandingan Kejujutan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).

Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

Jarak yang akan dipertandingan adalah:

Bawah 15 tahun : **Pusingan Double Distance (50m x 2)**

Bawah 12 tahun : **Pusingan Double Distance (30m x 2)**

Bawah 10 tahun : **Pusingan Double Distance (20m x 2)**

Target Face yang akan diguna pakai bagi semua jarak adalah **122cm**

YURAN

Yuran penyertaan adalah seperti berikut

Pemanah : **RM100.00/orang**

Kadar denda/ penalti pendaftaran lewat/ pertukaran adalah sebanyak **RM50.00/orang**.



HADIAH

Pingat akan disediakan seperti berikut:

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	Keseluruhan QR Recurve Lelaki Bawah 15 tahun	1	1	1	3
2	Keseluruhan QR Recurve Wanita Bawah 15 tahun	1	1	1	3
3	Keseluruhan QR Recurve Lelaki Bawah 12 tahun	1	1	1	3
4	Keseluruhan QR Recurve Wanita Bawah 12 tahun	1	1	1	3
5	Keseluruhan QR Recurve Lelaki Bawah 10 tahun	1	1	1	3
6	Keseluruhan QR Recurve Wanita Bawah 10 tahun	1	1	1	3
7	Keseluruhan ER Recurve Lelaki Bawah 15 tahun	1	1	1	3
8	Keseluruhan ER Recurve Wanita Bawah 15 tahun	1	1	1	3
9	Keseluruhan ER Recurve Lelaki Bawah 12 tahun	1	1	1	3
10	Keseluruhan ER Recurve Wanita Bawah 12 tahun	1	1	1	3
11	Keseluruhan ER Recurve Lelaki Bawah 10 tahun	1	1	1	3
12	Keseluruhan ER Recurve Wanita Bawah 10 tahun	1	1	1	3
JUMLAH		12	12	12	36

GANTI RUGI

Pihak penganjur dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana- mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah/ tempat pertandingan/ rumah.